

▼10/08/10-36MST

U GB 10-08 00187 BA422

aab

MAHATHIR TIDAK TOLAK KEMUNGKINAN KERAHAN TENAGA

Mahathir - Tentera

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memperkenalkan kerahan tenaga jika masalah kekurangan anggota yang sedang dihadapi oleh Angkatan Tentera sekarang tidak dapat diatasi.

Beliau berkata langkah itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan sekiranya tiada cara lain untuk mengatasi masalah itu.

+Kalau akhirnya kita tidak boleh (mengatasi masalah itu), kita kena memperkenalkan kerahan tenaga ... kalau boleh dapat tu tak apalah,+ katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di akhir lawatan empat harinya ke sini.

Sekiranya Angkatan Tentera dapat mengatasi kekurangan itu melalui pengambilan biasa sekarang, kerajaan tidak akan melaksanakan kerahan tenaga, katanya ketika diminta mengulas laporan semalam yang memetik Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Yaacob Mohamad Zain sebagai berkata Angkatan Tentera kini menghadapi masalah kekurangan anggota seperti yang dialami oleh sektor industri.

Kata Jen Yaacob, ketiga-tiga cawangan Angkatan Tentera menghadapi masalah bagi mendapatkan pegawai dan anggota baru dan kurangnya sambutan orang ramai untuk menyertai Angkatan Tentera adalah membimbangkan. -- Lagi

▼10/08/11-17MST

CNS2664

R GB 10-08 00144 BA423

aab

Mahathir - Tentera 2 Langkawi

Menurutnya, bilangan yang menyertai Angkatan Tentera kini berkurangan kira-kira 500 orang setahun.

Apabila ditanya mengenai langkah-langkah segera yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan belum mengambil apa-apa langkah kerana masalah itu merupakan satu fenomena baru.

Beliau berkata ia mungkin berpunca daripada banyaknya peluang pekerjaan yang terdapat dalam pasaran sekarang.

Ketika ditanya mengenai laporan di Jakarta pada hari Sabtu mengenai penggantungan penjualan akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) dan International Herald Tribune oleh kerajaan Indonesia kerana dikatakan menyiarkan satu iklan yang disifatkan sebagai +tidak beretika langsung+ dengan menyiarkan gambar Dr Mahathir dan beberapa pemimpin Asia lain di sisi gambar kerja sebuah syarikat penghantar, beliau berkata kerajaan akan menimbangkan untuk mengambil langkah serupa sekiranya iklan itu disiarkan oleh kedua-dua akhbar di sini. -- Lagi

♥10/08/11-23MST

R GB 10-08 00147 BA424

aab

Mahathir - Tentera 3 (Akhir) Langkawi

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau mendapati tiada iklan yang serupa itu disiarkan oleh kedua-dua akhbar itu yang dijual di negara ini kerana iklan itu mungkin dibuat untuk pasaran Indonesia sahaja.

Beliau, yang ditanya sama ada akan mengambil tindakan undang-undang sekiranya kedua-dua akhbar menyiarkan iklan yang serupa di negara ini, beliau berkata: +Tak payah samanlah.+

Kedua-dua akhbar asing itu telah menyiarkan satu iklan sebuah syarikat penghantaran antarabangsa, DHL International, mengandungi gambar Presiden Suharto, Presiden Korea Selatan, Roh Tae Woo, Dr Mahathir dan Perdana Menteri Singapura Goh Choh Tong bersama gambar seorang pekerja DHL dalam petak gambar yang sama.

Menteri Penerangan Indonesia, Harmoko membidas iklan itu sebagai +tidak beretika langsung+, menghina +nilai-nilai budaya dan peradaban Indonesia+ dan penggantungan itu akan diteruskan sehingga DHL memohon maaf kepada pemerintah menerusi kedua-dua akhbar itu. -- Bernama